

22/03/2000

RM30 juta untuk majukan Pantai Kok

Wan Jailani Razak

SELEPAS Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa kerajaan sedia mempertimbangkan dua cadangan baru iaitu pemulihan pantai di Pantai Kok dan pembinaan perkhidmatan kereta kabel ke puncak Gunung Mat Cincang untuk memajukan sektor pelancongan di Pulau Langkawi, ramai tertanya mengenainya.

Sehubungan itu, kolum ini mendapatkan Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Datuk Abdul Halil Mutalib, untuk mendapat gambaran lebih terperinci mengenai dua cadangan itu.

Pertama, mengenai pemulihan pantai di Pantai Kok, Abdul Halil berkata, dua pulau buatan manusia akan dibina berhampiran Pantai Kok, sebagai satu penahanan ombak bagi menghalang berlakunya hakisan dan pada masa yang sama memajukan pantai berkenaan untuk menarik kunjungan ramai.

Katanya, projek yang dijangka membabitkan kos RM30 juta itu pada prinsipnya sudah dipersetujui Dr Mahathir dan ia akan dimajukan secara berperingkat sebaik proses pelaksanaannya selesai tidak lama lagi.

"Langkawi dikatakan tidak memiliki pantai awam kerana kebanyakannya berhadapan hotel yang terbina.

"Walaupun pada umumnya pantai berhadapan hotel adalah pantai awam, orang ramai berasa tersekat kerana mereka perlu melewati hotel berkenaan untuk ke pantai itu," katanya.

Berikutan itu, Abdul Halil berkata, pihaknya sedang merangka satu kaedah untuk menyelamatkan Pantai Kok, sekali gus menjadikan satu daya tarikan kepada pelancong untuk bersantai.

Lada membuat kajian untuk memajukan Pantai Kok sejak 1994 tetapi tidak dilaksanakan kerana ada cadangan lain untuk membangunkan kawasan itu dengan pembinaan padang golf terulung di rantau ini.

Bagaimanapun, katanya, cadangan itu tinggal cadangan disebabkan penarikan diri sebuah syarikat swasta berikutan kegawatan ekonomi dan ia memaksa Lada mengubah perancangan awalnya dengan menawarkan pembangunan di situ kepada pelabur lain.

"Kini ada cadangan baru untuk menjadikan kawasan itu sebagai taman safari dengan mengambil contoh taman sama di Bangkok.

"Kita sudah ada seorang pelabur dari Bangkok yang sudah bersetuju untuk menjadikan kawasan itu sebagai taman safari yang terkawal selain apa yang ada di Pulau Singa Besar," katanya.

Mengenai perkhidmatan kereta kabel ke puncak Gunung Mat Cincang dari kawasan berhampiran Oriental Village di Teluk Burau, Abdul Halil berkata projek itu masih dalam kajian.

Katanya, Dr Mahathir bersetuju supaya Lada membuat kajian dengan pakar mengenai perkara itu bagi mendapatkan sokongan berhubung kaedah paling sesuai bagi melaksanakannya.

Sebelum ini, Abdul Halil berkata ada cadangan supaya perkhidmatan itu diadakan dari Gunung Raya ke Pulau Tuba atau Pulau Dayang Bunting melintasi pekan Kuah, tetapi pemandangannya disifatkannya kurang menarik.

Justeru, penduduk Langkawi seharusnya menyambut baik usaha kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan di Langkawi kerana berdasarkan perolehan penduduk dan kerajaan sebelum ini jelas menunjukkan yang rakyat turut menikmati hasil pembangunan secara terancang yang dilaksanakan oleh Lada.

Pada 1998 misalnya, kerajaan dan penduduk di pulau ini memperolehi kira-kira RM768 juta pendapatan dari sektor pelancongan berikutan kemasukan 1.2

juta pelancong pada tahun berkenaan.
(END)